

KEBERKESANAN PiDaPe DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN KATA ADJEKTIF MURID MASALAH PENDENGARAN

(The effectiveness of PiDaPe in enhancing the usage of adjective amongst pupils with hearing impairment)

Syarifah Nursollehatun Syed Mohamad Kher^a, Shahrul Arba'iah Othman^b

^{ab}Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
E-mail : syarifahsollehatun@gmail.com

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kebolehan menggunakan kata adjektif dalam kalangan murid masalah pendengaran Tahun 3 menggunakan PiDaPe. Secara khususnya, kajian ini adalah untuk melihat kebolehan peserta kajian mengeja kata adjektif dan melengkapkan ayat menggunakan kata adjektif yang betul menggunakan PiDaPe. PiDaPe adalah singkatan untuk Pinggan dan Penyepit. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat bagaimana penerapan unsur belajar sambil bermain dapat membantu mereka meningkatkan kebolehan menggunakan kata adjektif. Kajian ini telah melibatkan tiga orang murid lelaki sebagai peserta kajian. Tinjauan awal mendapati semua peserta kajian tidak dapat mengeja dan gagal melengkapkan ayat dengan kata adjektif yang betul. Fokus utama kajian ini adalah untuk menentukan sejauh mana penggunaan PiDaPe dan penerapan unsur belajar sambil bermain dapat membantu mereka meningkatkan kebolehan menggunakan kata adjektif. Peserta kajian menghasilkan sendiri PiDaPe dengan menggunakan pinggan kertas, kad gambar, penyepit dan kad huruf. Setiap kali proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, peserta kajian telah menggunakan PiDaPe sebagai bahan bantu belajar. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian, analisis dokumen dan temu bual. Analisis dapatan kajian menunjukkan berlakunya peningkatan dalam keputusan ujian pasca dan lembaran kerja berbanding ujian pra. Peserta kajian telah dapat menggunakan kata adjektif dengan betul. Oleh itu pengkaji mencadangkan supaya kajian ini diperluaskan lagi dengan membuat penambahbaikan terhadap penggunaan PiDaPe iaitu mengintegrasikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), penggunaan bahan yang lebih praktikal dan PiDaPe digunakan dalam pengajaran golongan kata yang lain.

Kata kunci: Murid masalah pendengaran, Kata adjektif, PiDaPe

Abstract: This study was conducted to improve the ability to use adjectives among Year Three students with hearing impairment using PiDaPe. In particular, this study is to look at the abilities of participants in spelling and completing sentences using the correct adjectives by using PiDaPe. PiDaPe is the acronym for Pinggan Dan Penyepit. Three male students were involved as participants in the study. An initial review found that the participants could not spell and failed to complete the sentences with the correct adjectives. The main focus of this study is to determine the extent of the use and application of PiDaPe and fun learning can help them improve their ability to use adjectives. Participants produce their own PiDaPe using paper plates, picture cards, letters and pegs. During the process of teaching and learning, participants uses PiDaPe as teaching aids. Data collection methods used in this study are tests, analysis of documents and interview. Analysis of the results showed an increase in the results of the post-test compared to pre-test and worksheet. Participants can use adjectives correctly. Thus the researchers suggest that this study be expanded to by making improvements to the PiDaPe by integrating the use of ICT, using more practical material in making PiDaPe and using PiDaPe in the teaching of other words categories.

Key words: Students with hearing impairment, Adjectives, PiDaPe

PENDAHULUAN

Pengajaran Bahasa Malaysia bukan perkara mudah bagi murid-murid bermasalah pendengaran kerana murid-murid ini tidak dapat mengenal bunyi bahasa, tidak dapat mendengar perbualan orang lain dan tidak dapat mengalami dan menghayati pemikiran dan budaya melalui bahasa kerana dilahirkan dengan kecacatan pada deria pendengaran (Asmah Haji Omar, 1986, dalam Abdullah Yusof, Safani Bari dan Mohd Mokhtar Tahar, 2007).

Ketidakupayaan murid masalah pendengaran untuk mendengar menyebabkan mereka tertumpu kepada visual. Penggunaan bahan berbentuk visual sangat memberi kesan kepada daya ingatan murid melalui penglihatan, kerana dengan cara ini mereka dapat menerima maklumat dengan pantas malah dapat mempercepatkan kefahaman murid. Oleh itu, implikasi

penggunaan kad perkataan yang disertakan dengan gambar dapat mengatasi masalah ejaan dalam kalangan murid pendidikan khas masalah pendengaran (Mohd Hafiz Salman, 2011).

Oleh hal yang demikian, sebagai seorang bakal guru, pengkaji yakin dengan penggunaan BBB dan penerapan unsur bermain sambil belajar dalam PdP mampu meningkatkan rangsangan murid masalah pendengaran untuk memperoleh sesuatu kemahiran. Menurut Saayah Abu (2007), bermain sudah menjadi fitrah kanak-kanak. Dalam bermain dapat memperkembangkan emosi, jasmani dan mental murid-murid. Oleh itu pengkaji menggunakan 'Pinggan dan Penyepit' (PiDaPe) sebagai bahan bantu belajar (BBB) dan penerapan unsur bermain sambil belajar dalam tindakan yang dijalankan.

METODOLOGI

Kajian ini telah menggunakan tiga kaedah pengumpulan maklumat iaitu melalui ujian, analisis dokumen dan temu bual. Ujian yang dijalankan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah ujian pra dan ujian pasca. Manakala, dokumen yang dianalisis oleh ialah lembaran kerja yang diberikan kepada peserta kajian. Akhir sekali pengkaji menemu bual guru subjek Bahasa Malaysia bagi mendapatkan kesahan dapatan.

Pengkaji menggunakan markah dalam menganalisis kaedah pengumpulan data ujian dan analisis dokumen. Manakala dalam kaedah temu bual, pengkaji menyediakan transkrip temu bual dan mengkategorikan menentukan koding-koding dan melihat tema-tema yang timbul.

DAPATAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang sangat ketara di antara keputusan ujian pra dan ujian pasca. Berdasarkan dapatan, peserta kajian masing-masing memperolehi keputusan yang sangat tidak memuaskan di dalam ujian pra di mana markah yang diperolehi oleh peserta kajian antara 1 markah hingga 7 markah daripada 24 markah penuh. Hasil keputusan yang sangat tidak memuaskan tersebut, pengkaji telah menjalankan tindakan kepada peserta kajian menggunakan PiDaPe sebagai BBB.

Hasil ujian pasca menunjukkan peningkatan pencapaian subjek kajian yang sangat mendadak yang mana peserta kajian masing-masing memperolehi skor A iaitu dalam lingkungan 92% hingga 100%. Perbandingan markah yang berlaku semasa ujian pra dan ujian pasca ini dapat dilihat pada setiap peserta kajian. MA berlaku peningkatan iaitu daripada 29% (7/24) kepada 100% (24/24). Manakala MB daripada 13% (3/24) kepada 100% (24/24). Seterusnya yang terakhir iaitu MC pula iaitu daripada 4% (1/24) kepada 92% (22/24). Jadual 3 menunjukkan perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi MA, MB dan MC.

Jadual 3 Perbandingan Keputusan ujian pra dan ujian pasca.

Peserta Kajian	Ujian Pra		Ujian Pasca	
	Markah	Peratus (%)	Markah	Peratus (%)
MA	7/24	29	24/24	100
MB	3/24	13	24/24	100
MC	1/24	4	22/24	92

Berdasarkan dapatan analisis dokumen di mana menunjukkan peserta kajian berupaya mengeja dan melengkapkan ayat dengan kata adjektif yang betul menggunakan PiDaPe. Dalam sesi pertama tindakan, mendapati bahawa murid dapat mengeja perkataan kata adjektif berdasarkan gambar dengan betul manakala lembaran kerja kedua pula menunjukkan bahawa peserta kajian boleh melengkapkan ayat dengan kata adjektif yang

betul. Jadual 4 menunjukkan perbandingan keputusan antara ujian pra dan lembaran kerja.

Jadual 4 Perbandingan Keputusan Ujian Pra Dan Lembaran Kerja

Aspek	MA		MB		MC	
	UP	LK	UP	LK	UP	LK
Mengeja perkataan berdasarkan gambar.	1/8	7/8	0/8	8/8	0/8	6/8
Mengisi tempat kosong berdasarkan gambar.	1/8	8/8	0/8	7/8	0/8	6/8

UP: Ujian Pra LK: Lembaran Kerja

Berdasarkan Jadual 4, menunjukkan peningkatan dalam keputusan kajian dalam lembaran kerja berbanding ujian pra. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan PiDaPe sebagai BBB dapat meningkatkan kemahiran mengeja kata adjektif dan melengkapkan ayat menggunakan kata adjektif yang betul.

Selain itu, tema-tema yang timbul daripada analisis temu bual yang selari dengan dapatan data ujian dan analisis dokumen. Antara tema yang timbul ialah peningkatan penguasaan kata adjektif. Guru Subjek bahasa Malaysia Tahun 3 mendapati peserta kajian telah dapat menghafal perkataan dengan baik

Merujuk kepada dapatan kajian yang telah diperolehi, pengkaji yakin kedua-dua persoalan kajian telah dapat dijawab iaitu dengan penggunaan PiDaPe sebagai BBB dalam PdP dapat meningkatkan kemahiran mengeja dan melengkapkan ayat menggunakan kata adjektif dengan betul dalam kalangan murid masalah pendengaran Tahun 3.

PERBINCANGAN

Kebolehan peserta kajian dalam kemahiran mengeja dan melengkapkan ayat menggunakan kata adjektif dengan betul dilihat semakin meningkat dengan menggunakan PiDaPe sebagai BBB. Hal ini dibuktikan lagi melalui peningkatan skor yang ketara antara ujian pra dan ujian pasca serta peningkatan skor antara ujian pra dan lembaran kerja yang dijalankan ke atas peserta kajian. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian lepas yang dibuat oleh Syarifah Nursollehah binti syed Mohamad kher (2014), Mohamad Wazir Saiti (2011), Nurul Izzati Ismail (2011), Mastura Ayu Mohamad (2010) dan cathay John (2009) berkaitan dengan peningkatan kemahiran dalam subjek Bahasa Malaysia menggunakan BBB.

PiDaPe juga merupakan satu BBB yang mampu menarik minat peserta kajian kerana PiDaPe mempunyai rupa dan bentuk yang berwarna-warni. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Syed Abdul Jamal Syed Hussin (2012) yang bertajuk 'Rupa dan Jiwa' di mana pengkaji menyatakan bahawa elemen warna dan bentuk boleh digunakan sebagai salah satu alat, bahan dan sumber bantu mengajar bagi menarik perhatian murid-murid dalam

proses menerima pelajaran di samping menimbulkan keseronokan dalam belajar.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji dapat menyimpulkan beberapa aspek iaitu penggunaan BBB yang menarik seperti PiDaPe dapat meningkatkan prestasi peserta kajian. Selain itu, penerapan unsur belajar sambil bermain dapat meningkatkan perhatian dan minat peserta kajian. Akhir sekali, BBB yang menarik perlu mempunyai unsur kepelbagaian warna, bentuk dan rupa.

Cadangan

Oleh itu jika diberi peluang untuk menjalankan tindakan susulan pengkaji bercadang untuk menintegrasikan penggunaan TMK dalam penggunaan PiDaPe. Selain itu pengkaji juga bercadang untuk menambah baik PiDaPe agar lebih praktikal dan tahan lama dengan menggunakan bahan yang lebih berkualiti seperti pinggan plastik. Pengkaji juga bercadang untuk menggunakan PiDaPe dalam pengajaran golongan kata lain seperti golongan kata kerja, kata sendi nama, kata nama dan sebagainya.

RUJUKAN

Abdullah Yusof, Safani Bari & Mohd Mokhtar Tahar. (2007). HBSE1103 pengenalan pendidikan khas. Selangor: Open University Malaysia (OUM).
Cathy John. (2009). Meningkatkan kemahiran mnegeja suku kata KVKV menggunakan kad gambar. Tesis tidak diterbitkan. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

Choong Lean Keow. (2011). Murid dan alam belajar edisi ke-2 untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Keupujian. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
Mastura Ayu Mohamad. (2010). Meningkatkan kemahiran membina ayat tunggal menggunakan kad gambar. Tesis tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ilmu Khas.
Mohd Hafiz Salman. (2011). Meningkatkan kemahiran mengeja dalam kalangan murid bermasalah pendengaran Tahun 3 Khas dengan menggunakan kad perkataan. Tesis tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
Mohd Hanafi Mohd Yassin, Norani Md. Salleh & Safani Bari. (2009). Pendidikan kanak-kanak pekak. Selangor: UKM.
Mohamad Wazir Saiti. (2011). Meningkatkan kemahiran mengeja dalam kalangan murid bermasalah pendengaran Tahun 3K dalam mata pelajaran bahasa melayu dengan menggunakan kad perkataan dan kad gambar. Tesis tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
Mok Soon Sang. (2009). Pedagogi untuk pengajaran dan pembelajaran. Selangor: Kumpulan Multimedia Sdn. Bhd.
Mok Soon Sang. (2010). Pelaksanaan pengajaran. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

